

Jemaah haji dinasihat didik emosi, manfaatkan sepenuhnya hari Arafah



Jemaah haji perlu bersedia dengan pelbagai cabaran di Arafah, Mudzalifah dan Mina memandangkan lokasi berkenaan menjadi tumpuan tiga juta umat Islam untuk melaksanakan ibadah haji.

Ketua Pakar Rujuk, Dr Anisah Ab Ghani berkata, setiap jemaah juga perlu mendidik emosi mereka supaya sentiasa sabar kerana berada dalam operasi Masyair boleh diibaratkan seperti di Padang Mahsyar kecil.

"Keadaan khemah yang tidak selesa kerana terpaksa bersempit-sempit, suhu yang kadang-kadang panas dan bilik air yang tidak sempurna.

"Jemaah perlu didik emosi dari awal, bagaimana mahu hadapi keadaan seperti itu kerana dalam bahasa Arab, kerja haji diibaratkan seperti kusut masai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Tabung Haji (TH) Abraj Janadriyah di sini mengenai persiapan jemaah sebelum ke Arafah bermula hari ini.

Dr Anisah yang juga Pengurus Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Tabung Haji (TH) berkata, jemaah haji perlu menginsafi diri bahawa kemuncak ibadah itu bukanlah tempat untuk

Bersedia cabaran kemuncak haji



Jemaah perlu mendidik emosi supaya sentiasa sabar apabila berdepan dugaan.



DR ANISAH

berserang-lenang.

"Anggap kita nak berdepan dengan ALLAH, bukannya nak makan sedap, tempat tidur yang selesa dan sebagainya," ujarnya.

Tambah beliau, masa yang ada juga perlu dimanfaatkan sepenuhnya supaya tidak terisi dengan perkara-perkara yang boleh mengurangkan kemabruran haji.

"Kena ada perancangan apa yang kita nak minta daripada ALLAH, doa untuk diri sendiri, isteri atau suami, anak-anak, kawan-kawan dan jiran," katanya.

Selain berdoa, Dr Anisah turut menasihatkan jemaah haji supaya memperbanyakkan zikir, membaca al-Quran dan amalan-amalan sunat lain.

"Ia juga dapat mengelakkan jemaah daripada membuang masa berbual kosong, mengumpat, bertengkar dan melalukan perkara 'lagha' yang sia-sia.

"Dalam sahilih Muslim daripada Aisyah RA, Nabi Muhammad SAW bersabda: Tidak ada hari yang lebih banyak ALLAH membebaskan seorang hamba dari neraka dibandingkan pada hari Arafah."

"Maka, rebutlah peluang yang ada kerana belum tentu kita akan dapat hadir lagi selepas ini," katanya.

Menyentuh mengenai ilmu berkaitan haji, Dr Anisah berkata, masih belum terlewat untuk mengukuhkan pengetahuan supaya dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna semasa Masyair.

Kerajaan Arab Saudi menetapkan hari wukuf yang menjadi kemuncak haji pada Selasa, sementara Hari Raya Aidiladha akan disambut pada Rabu.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG AHAD

1 BEKAS PEMAIN BOLA SEPAK DITAHAN CEROBOH BILIK HOTEL

2 'BN SEDIA JADI PEMBANGKANG, DAP BOLEH TINGGALKAN UMNO' - ISHAM

3 SUAMI ISTERI MAUT KEMALANGAN DI JALAN GERIK-JELI

4 JANGAN LAYAN KENYATAAN "TONY PUA - AHMAD ZAHID"

5 ENGGAN 'TELANJANGKAN' DIRI, BAGGIO TOLAK SERTAI GEGAR VAGANZA

6 'KEPUTUSAN TUNTUTAN RM10 JUTA TERHADAP ZURaida BELUM MUKTAMAD'

7 PKR AMBIL TINDAKAN TERHADAP PENGKHIANAT

8 KENDERAAN PLAT 'ISTERI YAB PERDANA MENTERI' DISEDIA KERAJAAN SABAH

9 PELAJAR TAHFIZ HILANG SEJAK RABU DITEMUI SELAMAT

10 'JANGAN LAGI FIKIR SOAL KJ - AHMAD FAIZAL'